Ogos
2022

# BERITA PORTAL

PORTAL RASMI
KEMENTERIAN PERTAHANAN

www.mod.gov.my

## ISI KANDUNGAN :


| | | |
|---|---|---|
| 1. | Timbalan Menteri Pertahanan Selesai Membentangkan RUU LTAT (PINDAAN) 2022 Di Dewan Rakyat<br>*Deputy Defence Minister Presents LTAT (AMENDMENT) Bill 2022 In Dewan Rakyat* | 5 |
| 2. | Ceramah "Ku Sambut Hijrah" Oleh Ustaz Syamsul Jebat<br>*“Ku Sambut Hijrah” Talk By Ustaz Syamsul Debat* | 7 |
| 3. | Sidang Video KSU Bersama Supervisor General KSRelief Arab Saudi<br>*Video Conference Of Secretary General And KSRelief Saudi Arabia Supervisor General* | 9 |
| 4. | Taklimat Keselamatan Dan Kesihatan Pekerja<br>*Employees Safety And Health Briefing* | 10 |
| 5. | Memorandum Persefahaman Antara Kerajaan Malaysia Dan Amerika Syarikat<br>*Memorandum Of Understanding Between Malaysia And The United States Of America* | 12 |
| 6. | Program Wacana Ilmu "Merdekakah Aku Disana"<br>*Knowledge-Building Programme “Merdekakah Aku Disana”* | 14 |
| 7. | Pembangunan Poliklinik Kesihatan Mudahkan Warga Tentera<br>*Health Polyclinic Establishment Benefits Military Personnel* | 15 |
| 8. | Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang & Pingat Perkhidmatan Pekerti Terbilang Cawangan Sarawak<br>*Sarawak Branch Excellent Service Award (APC) & Service Medal And Distinguished Conduct Medal Ceremony* | 17 |
| 9. | Mesyuarat Majlis Tindakan Pembangunan Kementerian<br>*Ministry Development Action Council Meeting* | 19 |
| 10. | KSU Merasmikan Bengkel Cadangan Pemberian Elaun Kenangan Kepada Penerima PJM<br>*Secretary General Officiates A Workshop On Proposed Grant Of Remembrance Allowance (Elaun Kenangan) To PJM Recipients* | 20 |
| 11. | Malaysia Dan Indonesia Capai Persefahaman Keselamatan Dan Pertahanan Serantau<br>*Mutual Agreement On Regional Defence And Security Between Malaysia-Indonesia* | 21 |

| | | |
|---|---|---|
| 12. | Sambutan 50 Tahun GBC Malindo<br>*GBC Malindo's 50th Anniversary Celebration* | 23 |
| 13. | Timbalan Menteri Pertahanan Membentangkan RUU LTAT (PINDAAN 2022) Di Dewan Negara<br>*Deputy Defence Minister Presents LTAT (AMENDMENT 2022) Bill In Dewan Negara* | 25 |
| 14. | Lawatan Media Ke Boustead Naval Shipyard<br>*Media Visit To Boustead Naval Shipyard* | 27 |
| 15. | Gabungan Kerjasama Serantau Pantau Sempadan<br>*Joint Cooperation Regional Monitors Border* | 29 |
| 16. | Pelancaran Kibar Jalur Gemilang Sempena Sambutan Bulan Kebangsaan Peringkat Kementerian Pertahanan 2022 Dan Jubli Emas LTAT Ke-50<br>*The Launch Of Fly Jalur Gemilang In Conjunction With The Celebration Of National Month Of The Defence Ministry 2022 And Ltat's 50th Golden Jubilee* | 30 |
| 17. | Majlis APC Dan PPT Peringkat Markas 12 Briged<br>*APC And PPT Ceremony 12 Brigade Headquarters Level* | 33 |
| 18. | Majlis Penganugerahan Pingat Jasa Malaysia (PJM) Peringkat Negeri Sarawak Tahun 2022<br>*Sarawak State Level Malaysian Service Medal (PJM) Award Ceremony 2022* | 35 |
| 19. | Amanat Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan<br>*The Secretary General Ministry Of Defence Message* | 37 |
| 20. | Pameran Sempena Sambutan Jubli Emas Ke-50 Tahun<br>*Exhibition In Conjunction With The Celebration Of The 50th Golden Jubilee* | 39 |
| 21. | Sudut Pameran Sempena Hari Kebangsaan Di Kementerian Pertahanan<br>*Exhibition Corner In Conjuction With National Day At The Ministry Of Defence* | 41 |
| 22. | Mesyuarat Penyelarasan Dan Hala Tuju Dasar Industri Pertahanan Dan Keselamatan Negara<br>*The Defence Industry And National Security Policy Coordination And Direction Meeting* | 43 |
| 23. | Lawatan Panel Penilai Program Keceriaan Antara Kementerian Sempena Sambutan Bulan Kebangsaan 2022<br>*Evaluation Panel Visitation To The Interministerial Purity Program In Conjunction With The National Month Celebration 2022* | 45 |

24. Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Induk Pameran Maritim Dan Aeroangkasa Antarabangsa Langkawi 2023 (LIMA 2023) 47
*The First Committee Meeting Of The Langkawi International Maritime And Aerospace Main Exhibition 2023 (LIMA 2023)*

25. Kunjungan Hormat KSU Kepada Rakan Sejawat Di Thailand 49
*KSU Courtesy Visit To Counterpart In Thailand*

26. Kunjungan Hormat KSU Ke Organisasi Penyelidikan Di Thailand 51
*KSU Courtesy Visit To Research Organizations In Thailand*

27. Raptai Perbarisan Dan Perarakan Hari Kebangsaan 53
*National Day Parade And Procession Rehearsal*

28. Lawatan Kerja Menteri Kanan Pertahanan Ke Defense & Security 2022 54
*The Senior Defence Minister Working Visit To Defense & Security 2022*

29. Sambutan Hari Kebangsaan 2022 Disambut Meriah 56
*Celebration Of National Day 2022 Celebrated Joyfully*

30. Kontinjen Mindef Sertai Perarakan Hari Kebangsaan 59
*Mindef Contingent Participated In The National Day Parade*

# TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN SELESAI MEMBENTANGKAN RUU LTAT (PINDAAN) 2022 DI DEWAN RAKYAT




KUALA LUMPUR, 1 Ogos 2022 - YB Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, Timbalan Menteri Pertahanan selesai membentangkan Rang Undang-Undang (RUU) Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) (Pindaan) 2022 di Dewan Rakyat.

Pindaan RUU LTAT 2022 ini memfokuskan kepada 4 tiang utama iaitu:
1. Perlindungan ke atas wang caruman anggota tentera;
2. Meningkatkan perlindungan sekuriti sosial anggota tentera;
3. Memperkukuhkan tadbir urus LTAT;
4. Memastikan pengisytiharaan dividen yang lestari kepada anggota tentera berdasarkan kepada prestasi kewangan LTAT.

Bersama-sama beliau dalam sesi pembentangan ini juga adalah barisan kepimpinan tertinggi LTAT dan pegawai-pegawai Kementerian Pertahanan.

Seterusnya RUU LTAT (Pindaan) 2022 ini akan dibawa ke Dewan Negara untuk diluluskan sebelum dimohon perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong untuk menjadi Akta.

*******************************************************************************************************

# DEPUTY DEFENCE MINISTER PRESENTS LTAT (AMENDMENT) BILL 2022 IN DEWAN RAKYAT

KUALA LUMPUR, August 1, 2022 – The Deputy Defence Minister, Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, has presented the Armed Forces Fund Board (LTAT) (Amendment) Bill 2022 in the Dewan Rakyat, here today.

The LTAT 2022 Bill has been amended to emphasise four main pillars, namely:

1. Protection of military personnel’s contributions
2. Increase military personnel's social security protection;
3. Strengthen the governance of LTAT
4. Ensure that sustainable dividends are declared to military personnel depending on LTAT's financial performance.

Also present in this session is the top leadership of LTAT as well as officers from the Defence Ministry.

The LTAT (Amendment) Bill 2022 will then be tabled at Dewan Negara for approval before being sent for royal assent by His Majesty Yang DiPertuan Agong to become an Act.

# CERAMAH "KU SAMBUT HIJRAH" OLEH USTAZ SYAMSUL JEBAT



KUALA LUMPUR, 1 Ogos 2022 - Ketua Setiausaha, Dato' Sri Muez Abd Aziz dan isteri, Datin Sri Rafidah Latif Pengerusi PUSPANITA Cawangan MINDEF telah meluangkan masa untuk bersama – sama mengikuti Ceramah "Ku Sambut Hijrah" di Auditorium MINDEF.

Ceramah ini adalah anjuran PUSPANITA MINDEF dengan kerjasama Persatuan Kebajikan Pekerja Awam Islam Kementerian Pertahanan (PAKPAI) dan Surau Al-Hidayah yang disampaikan oleh penceramah jemputan Ustaz Syamsul Debat.

Ianya bersempena menyambut Awal Muharram dan Bulan Kemerdekaan pada bulan ini serta mendapat sambutan yang baik daripada warga kerja MINDEF dan ATM.

*****************************************************************************************************

# “KU SAMBUT HIJRAH” TALK BY USTAZ SYAMSUL DEBAT

KUALA LUMPUR, August 1 2022 – Secretary General, Dato’ Sri Muez Abd Aziz and wife, Datin Sri Rafidah Latif PUSPANITA MINDEF branch Chairwoman made time to join “Ku Sambut Hijrah” Talk together in MINDEF Auditorium.

This talk is organized by PUSPANITA MINDEF in collaboration with Persatuan Kebajikan Pekerja Awam Islam Kementerian Pertahanan (PAKPAI) and Surau Al-Hidayah that was delivered by invited speaker Ustaz Syamsul Debat.

It is in conjunction in welcoming Awal Muharram and Independence Month this month and was well received by the members of MINDEF and MAF.

## SIDANG VIDEO KSU BERSAMA SUPERVISOR GENERAL KSRELIEF ARAB SAUDI



KUALA LUMPUR, 1 Ogos 2022 - Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz telah mengadakan sesi sidang video bersama Supervisor General, King Salman Humanitarian Aid and Relief Center (KSRelief) Arab Saudi, Dr. Abdullah bin Abdulaziz Al Rabeeah bertempat di Bilik Sidang Video Melati, Wisma Pertahanan.

********************************************************************************************************

## VIDEO CONFERENCE OF SECRETARY GENERAL AND KSRELIEF SAUDI ARABIA SUPERVISOR GENERAL

KUALA LUMPUR, August 1, 2022 – The Secretary General of Defence Ministry, Dato' Sri Muez bin Abd Aziz held a video conference session with Dr. Abdullah bin Abdullah Al Rabeeah, Supervisor General of King Salman Humanitarian Aid and Relief Center (KSRelief) Saudi Arabia, at Melati Video Conference Room, Wisma Pertahanan.

# TAKLIMAT KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJA




KUALA LUMPUR, 2 Ogos 2022 - Taklimat Keselamatan Dan Kesihatan Pekerja Kementerian Pertahanan Oleh Hj. Shahronizam Bin Hj Nordin, Pengurus National Institute of Occupational Safety & Health (NIOSH) bertempat di Auditorium Wisma Pertahanan.

Taklimat ini bertujuan memberi pendedahan dan ilmu pengetahuan kepada warga Kementerian dalam mengimplementasikan semua aktiviti berkaitan keselamatan dan kesihatan bagi memastikan tempat kerja yang selamat dan sihat.

Ianya juga sebagai platform untuk mewujudkan kerjasama antara majikan dan pekerja bagi mengalakkan dan membangunkan langkah-langkah keselamatan dan kesihatan di tempat kerja sejajar dengan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

*******************************************************************************************************

# EMPLOYEES SAFETY AND HEALTH BRIEFING

KUALA LUMPUR, August 2, 2022 – The Manager of the National Institute of Occupational Safety & Health (NIOSH), Hj. Shahronizam Bin Hj Nordin, delivered a Safety and Health Briefing for Defence Ministry Employees at Wisma Pertahanan Auditorium.

This briefing aims to give exposure and knowledge to members of the Ministry in implementing all safety and health-related activities to ensure a safe and healthy workplace.

Additionally, it serves as a platform for fostering cooperation between employees and employers in promoting and developing safety and health measures at work in accordance with the Occupational Safety and Health Act of 1994.

# MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA KERAJAAN MALAYSIA DAN AMERIKA SYARIKAT




NEGERI SEMBILAN, 4 Ogos 2022 – Ketua Setiausaha, YBhg. Dato' Sri Muez Abd Aziz mewakili Kerajaan Malaysia telah menandatangani Memorandum Persefahaman di antara Kerajaan Malaysia dan Duta Besar Amerika Syarikat, TYT Brian D. McFeeters mewakili Kerajaan Amerika Syarikat di Muzium Tentera Darat, Port Dickson.

Memorandum ini dimeterai bertujuan untuk menjalankan aktiviti kolaborasi dalam penyelidikan, penyiasatan dan repatriasi terhadap spesimen mayat anggota tentera Amerika Syarikat yang terkorban atau hilang semasa Perang Dunia Kedua di Malaysia.

Turut hadir menyaksikan memorandum ini ditandatangani adalah Panglima Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Dato' Seri Zamrose Mohd Zain serta Pegawai-Pegawai Kanan Awam Kementerian dan ATM.

*****************************************************************************************************

# MEMORANDUM OF UNDERSTANDING BETWEEN MALAYSIA AND THE UNITED STATES OF AMERICA

NEGERI SEMBILAN, August 4, 2022 – The Memorandum of Understanding between Malaysia and the United States of America was signed by the Chief Secretary, Dato' Sri Muez Abd Aziz representing Malaysia and the United States Ambassador, Brian D. McFeeters representing the Government of the United States, at the Army Museum, Port Dickson.

This Memorandum of Understanding was signed in order to carry out joint research, investigation, and repatriation efforts involving specimens of the remains of US military troops who were killed or missing in Malaysia during World War II.

Also present to witness the MoU signing were the Chief of the Malaysian Army, General Tan Sri Dato' Seri Zamrose Mohd Zain, as well as senior officers of the Ministry and MAF.

# PROGRAM WACANA ILMU "MERDEKAKAH AKU DISANA"



KUALA LUMPUR, 4 Ogos 2022 - Jawatankuasa Pembangunan Diri, Latihan dan Kebajikan Kelab Kakitangan Awam Kementerian Pertahanan (KAKEP) telah menganjurkan Program Wacana Ilmu bertajuk "Merdekakah Aku Disana" yang disampaikan oleh Ustaz Hj Abdullah Khairi Hj Haroon bertempat di Auditorium Wisma Pertahanan hari ini.

**************************************************************************************************************

# KNOWLEDGE-BUILDING PROGRAMME “MERDEKAKAH AKU DISANA”

KUALA LUMPUR, 4 August 2022 – The Self-Development, Training and Welfare Committee of the Defence Ministry Civil Staff Club (KAKEP) has organised a Knowledge-Building Programme entitled "Merdekakah Aku Disana" which was delivered by Ustaz Hj Abdullah Khairi Hj Haroon at Wisma Pertahanan Auditorium today.

# PEMBANGUNAN POLIKLINIK KESIHATAN MUDAHKAN WARGA TENTERA




SARAWAK, 5 Ogos 2022 – Menteri Kanan Pertahanan, YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein telah merasmikan Poliklinik Kesihatan Angkatan Tentera yang pertama di Malaysia di Kem Penrissen, Kuching.

Pembangunan poliklinik ini dirancang bagi memenuhi keperluan warga Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dalam aspek kebajikan berkesinambungan dengan dasar kerajaan yang bertunjangkan Keluarga Malaysia yang mana akan memberi faedah bukan sahaja kepada warga tentera tetapi meliputi ahli keluarga, veteran dan masyarat sekitar kem.

Inisiatif poliklinik kesihatan ini dibangunkan bagi mengurangkan kebergantungan dan beban di Rumah Sakit Angkatan Tentera (RSAT), Pusat Perubatan ATM dan Hospital Angkatan Tentera. Terdapat lima (5) buah poliklinik yang dirancang dan Poliklinik Kesihatan Angkatan Tentera Kem Penrissen merupakan perintis dan rujukan bagi pembinaan poliklinik pada masa akan datang.

Selain itu, poliklinik ini mampu menampung kedatangan seramai 500 hingga 800 pesakit sehari selain merupakan one stop centre dalam menyediakan perkhidmatan perubatan dan pergigian kepada warga tentera dan awam serta keluarga mereka.

Turut hadir bersama Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, YBhg. Dato' Sri Muez Abd Aziz; Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Hj. Affendi Buang (TUDM) dan Panglima Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Dato' Seri Zamrose Mohd Zain serta Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian.

****************************************************************************************************

## HEALTH POLYCLINIC ESTABLISHMENT BENEFITS MILITARY PERSONNEL

SARAWAK, 5 August 2022 – The Senior Defence Minister, Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, has officiated the first Armed Forces Health Polyclinic in Malaysia at Camp Penrissen, Kuching.

The establishment of this polyclinic is planned to meet the needs of the Malaysian Armed Forces (MAF) members in the aspect of continuous welfare. It is consistent with the government's policy based on the Malaysian family and will benefit not just the military but also family members, veterans, and the local community.

This health polyclinic initiative was developed to lessen the dependency on the Military Hospital (RSAT), MAF Medical Centre, and Armed Forces Hospital. There are five (5) planned polyclinics and the Penrissen Camp Military Health Polyclinic was the first of its kind and will be used as a reference for future polyclinics.

In addition, this polyclinic has the capacity to accommodate 500 to 800 patients a day and serves as a one-stop-centre for medical and dental services to military personnel, civil members and their families.

Also present were the Secretary General of the Defence Ministry, Dato' Sri Muez Abd Aziz; the Chief of Defence Forces, General Tan Sri Dato' Sri Hj. Affendi Buang RMAF; and the Chief of the Malaysian Army, General Tan Sri Dato' Seri Zamrose Mohd Zain; and senior officials of the Ministry.

# MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG & PINGAT PERKHIDMATAN PEKERTI TERBILANG CAWANGAN SARAWAK




SARAWAK, 5 Ogos 2022- Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz telah menyempurnakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) & Pingat Perkhidmatan Pekerti Terbilang (PPT) Tahun 2022 Peringkat Kementerian Pertahanan Cawangan Sarawak yang bertempat di Hotel Imperial.

Seramai 55 orang penerima APC dan 16 orang pesara yang terdiri daripada 13 orang pesara wajib dan 3 orang pesara pilihan yang bertugas di Negeri Sarawak telah turut terlibat dalam majlis tersebut.

Semua penerima APC telah menerima Sijil Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan insentif prestasi wang tunai berjumlah RM1,000.00. Sementara itu, para pesara menerima Sijil Penghargaan serta insentif persaraan berjumlah RM400.00 dan juga tambahan pingat PPT kepada mereka yang bersara wajib.

Majlis turut dihadiri Timbalan Ketua Setiausaha Pembangunan, YBhg. Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad serta pegawai-pegawai kanan Kementerian Pertahanan dan ATM.

****************************************************************************************************

# SARAWAK BRANCH EXCELLENT SERVICE AWARD (APC) & SERVICE MEDAL AND DISTINGUISHED CONDUCT MEDAL CEREMONY

SARAWAK, August 5, 2022 – The Secretary General of the Defence Ministry, Dato' Sri Muez Abd Aziz, attended the Excellent Service Award (APC) & Service Medal and Distinguished Conduct Medal (PPT) Ceremony for Year 2022 of Sarawak Defence Ministry at Imperial Hotel.

A total of 55 APC recipients and 16 retirees were involved, consisting of 13 compulsory-retirement-age retirees and three voluntary retirees who served in Sarawak.

All APC recipients received the Excellent Service Award Certificate and a cash performance incentive of RM1,000.00. On the other hand, the retirees received Certificates of Appreciation as well as retirement incentive amounting to RM400.00 and additional PPT medals for those who are compulsorily retired.

The ceremony was also attended by the Deputy Secretary General (Development), Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad and senior officials of the Defence Ministry and MAF.

# MESYUARAT MAJLIS TINDAKAN PEMBANGUNAN KEMENTERIAN




SARAWAK, 5 Ogos 2022 - Ketua Setiausaha, YBhg. Dato' Sri Muez Abd Aziz telah mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tindakan Pembangunan Kementerian (MTPK) Kementerian Pertahanan Bilangan 3 Tahun 2022 (Pembangunan) bertempat di Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak, Kuching.

Dalam pada masa yang sama, YBhg Ketua Setiausaha turut mengadakan kunjungan hormat kepada Setiausaha Persekutuan Sarawak, YBhg. Dato' Amir bin Omar di pejabat beliau.

****************************************************************************************************

# MINISTRY DEVELOPMENT ACTION COUNCIL MEETING

SARAWAK, August 5, 2022 – The Secretary General, Dato' Sri Muez Abd Aziz, chaired the Ministry Development Action Council Meeting (MTPK) of the Defence Ministry, No. 3, 2022 (Development), at Sarawak Federal Secretary Office, Kuching.

At the same time, the Chief Secretary also paid a courtesy visit to Dato' Amir bin Omar, Sarawak Federal Secretary, at his office.

# KSU MERASMIKAN BENGKEL CADANGAN PEMBERIAN ELAUN KENANGAN KEPADA PENERIMA PJM



KUALA LUMPUR, 8 Ogos 2022 – Ketua Setiausaha, YBhg. Dato' Sri Muez Abd Aziz telah merasmikan bengkel cadangan pemberian elaun kenangan kepada penerima PJM, pelarasan pencen kepada Veteran ATM dan cadangan pemberian  pencen atau elaun kepada Veteran ATM tidak berpencen bertempat di Hotel Royale Chulan hari ini.

*******************************************************************************************************

# SECRETARY GENERAL OFFICIATES A WORKSHOP ON PROPOSED GRANT OF REMEMBRANCE ALLOWANCE (ELAUN KENANGAN) TO PJM RECIPIENTS

KUALA LUMPUR, August 8, 2022 – The Secretary General, Dato' Sri Muez Abd Aziz, officiated a workshop on the proposed grant of remembrance allowance (elaun kenangan) to PJM recipients, pension adjustment to MAF Veterans and the proposed grant of pension or allowance to non-pensionable MAF Veterans at Hotel Royale Chulan today.

# MALAYSIA DAN INDONESIA CAPAI PERSEFAHAMAN KESELAMATAN DAN PERTAHANAN SERANTAU




KUALA LUMPUR, 9 Ogos 2022 - Menteri Kanan Pertahanan, YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein bersama Menteri Pertahanan Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama (TYT) Prabowo Subianto telah mempengerusikan secara bersama Mesyuarat Ke-42 General Border Committee Malaysia – Indonesia di Wisma Perwira ATM hari ini.

Mesyuarat GBC pada tahun ini sekali lagi memberi tumpuan kepada usaha memperkukuh kerjasama pertahanan dan pembangunan sosio-ekonomi di sepanjang sempadan Malaysia-Indonesia. Ianya dimanfaatkan bagi membincangkan dan mengambil maklum pelaporan kemajuan aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan di bawah seliaan High-Level Committee.

Menerusi perjumpaan dua hala ini, Menteri Kanan Pertahanan dan Menteri Pertahanan Republik Indonesia telah melaksanakan Mesyuarat Dua Hala bagi berkongsi pandangan mengenai usahasama pertahanan dan keselamatan. Kedua-dua Menteri Pertahanan turut bersetuju dalam melaksanakan Latihan Gabungan Bersama Malaysia–Indonesia Darat Samudera Angkasa (LATGABMA MALINDO DARSASA) yang melibatkan tiga cabang perkhidmatan akan dilaksanakan semula pada tahun 2023 dengan berfokus kepada anti keganasan.

Dalam pada itu, satu Memorandum Persefahaman (MoU) telah dimeterai bagi memberi suntikan nafas baharu kepada kerjasama pertahanan antara Malaysia dan Indonesia. Secara amnya, MoU yang ditandatangani ini bakal membolehkan kerjasama pertahanan antara kedua-dua negara dapat diperluaskan.

Hadir bersama Ketua Setiausaha, YBhg. Dato' Sri Muez Abd Aziz, Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Haji Affendi Buang TUDM dan pegawai-pegawai Kanan Kementerian Pertahanan, ATM, Kementerian Dalam Negeri (KDN), Majlis Keselamatan Negara (MKN) serta delegasi.

****************************************************************************************************

## MUTUAL AGREEMENT ON REGIONAL DEFENCE AND SECURITY BETWEEN MALAYSIA-INDONESIA

KUALA LUMPUR, August 9, 2022 – The Senior Defence Minister, Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, together with the Republic of Indonesia Defence Minister Prabowo Subianto, chaired the 42nd Meeting of the General Border Committee Malaysia – Indonesia at Wisma Perwira ATM today.

The GBC meeting this year was once again focused on bolstering defence cooperation and socioeconomic development along the Malaysia-Indonesia border. It is used to discuss and review the progress report of the activities that have been carried out under the supervision of the High-Level Committee.

Through this bilateral meeting, both Defence Ministers held a Bilateral Meeting to share views on defence and security cooperation. They also agreed to hold a Malaysia-Indonesia Land, Sea, and Air Joint Exercise (LATGABMA MALINDO DARSASA) involving all three branches of service, which will be implemented again in 2023 with a focus on anti-terrorism.

At the same time, a Memorandum of Understanding (MoU) was signed to deepen defence cooperation between Malaysia and Indonesia. In general, this MoU will allow the expansion of defence cooperation between the two countries.

Also present were the Secretary General of the Defence Ministry, Dato' Sri Muez Abd Aziz; the Chief of Defence Forces, General Tan Sri Dato' Sri Hj. Affendi Buang RMAF; and senior officials of the Defence Ministry, MAF, Home Affairs Ministry, National Security Council and delegations.

# SAMBUTAN 50 TAHUN GBC MALINDO




KUALA LUMPUR, 9 Ogos 2022 – Menteri Kanan Pertahanan, Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein bersama Menteri Pertahanan Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama (TYT) Prabowo Subianto telah meraikan Majlis Makan Malam Rasmi Sambutan 50 Tahun GBC Malindo.

Ianya diadakan bagi meraikan Delegasi Pertahanan Malaysia dan Indonesia yang bersidang di Mesyuarat Ke-42 General Border Commitee Malaysia-Indonesia (GBC MALINDO) di Wisma Perwira Angkatan Tentera Malaysia sekaligus merasmikan sambutan 50 tahun GBC Malindo.

Acara telah dimeriahkan dengan persembahan tradisional Malaysia dari Band Kesenian Tentera Udara, Angkatan Tentera Malaysia serta pelbagai tayangan video bertujuan untuk memperingati titik permulaan hubungan kedua-dua negara, penubuhan GBC MALINDO pada tahun 1972 serta pencapaiannya selama 50 tahun melalui pelaksanaan pelbagai aktiviti operasi dan non-operasi meliputi rondaan bersama, latihan dan inisiatif sosio-ekonomi di perbatasan Malaysia dan Indonesia. Sambutan diakhiri dengan penyerahan memorabilia kepada Menteri Kanan Pertahanan Malaysia dan Menteri Pertahanan Republik Indonesia sebagai simbolik kerjasama 50 tahun yang amat bermakna buat kedua-dua negara.

Majlis ini turut dihadiri Timbalan Menteri Pertahanan, YB Dato’ Sri Ikmal Hisham Abdul Aziz; Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, YBhg. Dato’ Sri Muez Abd Aziz; Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato’ Sri Haji Affendi Buang TUDM; Panglima-Panglima Perkhidmatan; pegawai-pegawai Kanan Kementerian Pertahanan; Kementerian Dalam Negeri (KDN); Majlis Keselamatan Negara (MKN) serta delegasi Malaysia dan Indonesia.

****************************************************************************************************

## GBC MALINDO'S 50TH ANNIVERSARY CELEBRATION

KUALA LUMPUR, August 9, 2022 – The Senior Defence Minister, Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein together with the Republic of Indonesia Defence Minister Prabowo Subianto, attended an Official Dinner to celebrate the 50th Anniversary of GBC Malindo.

It was organised to commemorate the Malaysian and Indonesian Defence Delegations at the 42nd General Border Committee Malaysia-Indonesia (GBC MALINDO) meeting at Wisma Perwira Angkatan Tentera Malaysia, and to officially mark the 50th anniversary of GBC Malindo.

The ceremony was enlivened with traditional Malaysian performances by the band from the Air Force and the Malaysian Armed Forces, along with several video presentations commemorating the beginning of the partnership between the two nations and the establishment of GBC MALINDO in 1972. It also shown the achievements accomplished over the last 50 years through the execution of various operational and non-operational activities such as joint patrols, training, and socioeconomic initiatives along the Malaysian-Indonesian border. The event concluded with the presentation of mementos to both defence ministers, commemorating the 50 years of meaningful cooperation between both nations.

This ceremony was also attended by the Deputy Defence Minister, Dato' Sri Ikmal Hisham Abdul Aziz; Secretary General of the Defence Ministry, Dato' Sri Muez Abd Aziz; Chief of Defence Forces, General Tan Sri Dato' Sri Haji Affendi Buang RMAF; Chiefs of Services; Senior officers of the Defence Ministry; Home Affairs Ministry; and the National Security Council, as well as the Malaysian and Indonesian delegations.

# TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN MEMBENTANGKAN RUU LTAT (PINDAAN 2022) DI DEWAN NEGARA



KUALA LUMPUR, 11 Ogos 2022 - YB Dato' Sri Ikmal Hisham Abdul Aziz, Timbalan Menteri Pertahanan selesai membentangkan Rang Undang-undang (RUU) Lembaga Tabung Angkatan Tentera (Pindaan 2022) di Dewan Negara untuk bacaan kedua dan ketiga.

Seramai lima orang pembahas dari kalangan ahli-ahli Senator Dewan Negara telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan di Dewan Negara dan seterusnya usul pindaan RUU ini diluluskan dengan undian suara.

Pindaan RUU LTAT 2022 ini akan membolehkan LTAT sebagai pengurus tabung caruman gaji anggota tentera menjamin wang caruman anggota tentera supaya selamat dan terpelihara.

Selain itu, pindaan ini juga dapat memastikan tabung tersebut diuruskan dengan baik dan kompetitif melalui Perumpukan Aset Strategik yang berkesan pada masa hadapan tanpa campur tangan pihak luar. Ianya selaras dengan pelan transformasi LTAT untuk kekal sebagai sebuah tabung caruman tentera yang dinamik dan progresif seiring dengan perubahan zaman.

****************************************************************************************************

# DEPUTY DEFENCE MINISTER PRESENTS LTAT (AMENDMENT 2022) BILL IN DEWAN NEGARA

KUALA LUMPUR – August 11 2022 - YB Dato' Sri Ikmal Hisham Abdul Aziz, Deputy Defence Minister finished presenting the Armed Forces Fund Board (LTAT) (Amendment 2022) Bill at Dewan Negara for the second and third reading.

As many as five debaters from the Dewan Negara Senator has participated in the debate session at Dewan Negara and the amendment Bill proposal was then approved with voting.

This LTAT Amendment Bill 2022 will allow LTAT as a military personnel's salary contribution fund manager ensuring the military personnel's contribution money are safe and protected.

Apart from that, this amendment can also ensure the fund is managed properly and competitive through Strategic Asset Allocation that is effective in the future without the third party intervention. This is aligned with the LTAT transformation plan to last as a dynamic and progressive army contribution fund as the time changes.

# LAWATAN MEDIA KE BOUSTEAD NAVAL SHIPYARD



LUMUT, 13 Ogos 2022- Menteri Kanan Pertahanan berulang kali menegaskan bahawa tiada perkara yang akan beliau dan Kementerian Pertahanan sembunyikan berkaitan LCS.

Ketegasan ini sekali lagi diterjemahkan hari ini apabila MINDEF membuka peluang kepada sebanyak lebih kurang 20 agensi media untuk mengadakan lawatan ke Boustead Naval Shipyard di Lumut Perak.

Lawatan ini bukan sekadar bertujuan memberi taklimat tentang reka bentuk LCS, malah paling utama semua wakil media diberi ruang untuk melihat sendiri secara dekat kapal-kapal LCS yang sudah di peringkat pembinaan. Mereka juga dibenarkan mengambil video dan gambar untuk tatapan umum. Mereka turut dibawa ke gudang penyimpanan peralatan LCS yang akan dipasang kelak.

Lawatan hari ini telah mendapat maklum balas yang amat baik dari setiap wakil media dan semua boleh mengesahkan bahawa kapal LCS sudah di peringkat pembinaan. Terima kasih rakan-rakan media yang turut serta hari ini.

****************************************************************************************************

# MEDIA VISIT TO BOUSTEAD NAVAL SHIPYARD

LUMUT, August 13 2022 – Senior Defence Minister repeatedly affirmed that he and the Defence Ministry will not hide any issue involving LCS.

The firmness was once more interpreted today when MINDEF opened the opportunity to about 20 media agencies to organize a trip to Boustead Naval Shipyard in Lumut Perak.

This visit is not only aimed to give a briefing about the LCS design, but most importantly is all media representative are given the space to see the LCS ships that are already in construction stage up close. They are also allowed to take videos and pictures for general display. They were also brought to the LCS equipment storage warehouse that will be installed later.

Today's visit has gotten positive response from every media representative and all of them can substantiate that LCS ships are already in the construction stage. Thank you media friends who participated today.

# GABUNGAN KERJASAMA SERANTAU PANTAU SEMPADAN




SARAWAK, 15 Ogos 2022 – Tentera Darat Malaysia terus memperkukuhkan kerjasama bersama Tentera Nasional Indonesia – Angkatan Darat (TNI-AD) menerusi pengaktifan Pos Gabungan Malaysia – Indonesia (GABMA) OPs Keris Parang Gabungan 2022 di Kuching.

Kerjasama kedua-dua negara dalam melaksanakan Operasi Pengawal Keselamatan Pos selama 24 jam, Rondaan Kenderaan dan Jalan Kaki serta mengadakan SERKAP/SERDAP bagi membanteras pencerobohan samada oleh PATI mahupun jenayah rentas sempadan di sepanjang sempadan Malaysia – Indonesia.

*****************************************************************************************************************

# JOINT COOPERATION REGIONAL MONITORS BORDER

SARAWAK, August 15 2022 – The Malaysian Army continues strengthening the cooperation with Indonesian National Military – Land Force (TNI-AD) through the activation of Military Joint Malaysian – Indonesian Post (GABMA) Joint Keris Parang Op 2022 in Kuching.

The cooperation between both countries in carrying out Post Security Guard Operation for 24 hours, Vehicle Patrol and Walking as well as creating SERKAP/SERDAP to eradicate aggression whether by PATI or cross-border crime along the Malaysian – Indonesian border.

# PELANCARAN KIBAR JALUR GEMILANG SEMPENA SAMBUTAN BULAN KEBANGSAAN PERINGKAT KEMENTERIAN PERTAHANAN 2022 DAN JUBLI EMAS LTAT KE-50



KUALA LUMPUR, 17 Ogos 2022 - Menteri Kanan Pertahanan, YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein pada hari ini telah menyempurnakan Pelancaran Kibar Jalur Gemilang Sempena Sambutan Bulan Kebangsaan Peringkat Kementerian Pertahanan Tahun 2022 dan Jubli Emas LTAT ke-50 di Auditorium Wisma Pertahanan.

Menteri Kanan Pertahanan telah menyampaikan Amanat Menteri Kanan Pertahanan bagi enam bulan pertama pemerintah beliau bagi tahun 2022. Beliau juga turut melancarkan Majlis Kibar Jalur Gemilang di Dataran Wisma Pertahanan dengan penyerahan simbolik penyerahan Jalur Gemilang kepada Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz mewakili warga Kementerian Pertahanan (MinDef) dan Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Hj. Affendi bin Buang TUDM mewakili warga Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein turut mengumumkan penawaran Pengeluaran Khas maksimum sehingga RM500.00 secara 'one-off' kepada para pencarum LTAT. Pengeluaran ini juga adalah sebagai insentif bagi membantu menangani sedikit sebanyak beban kewangan para pencarum LTAT. Permohonan pengeluaran Khas Jubli Emas ini boleh dibuat melalui Aplikasi MyWira mulai 10 Oktober dan akan ditutup pada 10 Disember 2022. Pembayaran pertama pula akan dilaksanakan bermula pada 19 hingga 23 Disember 2022.

Beliau turut mengucapkan tahniah kepada pengurusan LTAT kerana telah berjaya mendapatkan kelulusan pindaan Rang Undang-Undang (RUU) Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 2022 di (Dewan Rakyat) baru-baru ini yang membolehkan penambahbaikan dibuat terhadap empat (4) aspek penting kepada anggota tentera dan juga LTAT iaitu melindungi hampir 120,000 pencarum.

Dalam majlis yang sama, Menteri Kanan Pertahanan turut melancarkan kenderaan Bank Bergerak AFFIN atau Affin Mobile Financial Centre yang telah mula beroperasi pada 1 Ogos 2022. Bank Bergerak ini menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan seperti pembukaan akaun Bank, permohonan pinjaman, permohonan kad kredit dan juga transaksi melalui Mesin Teler Automatik dan Mesin Deposit Tunai.

Turut hadir, Panglima-Panglima Perkhidmatan, Pihak Pengurusan Tertinggi Kementerian dan ATM serta Pengerusi LTAT, YM. Jen Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor (Bersara), Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) LTAT, YBhg. Dato' Ahmad Nazim Abd Rahman serta Ahli Lembaga dan barisan kepimpinan LTAT, syarikat-syarikat kumpulan di bawah naungan LTAT dan Agensi Kementerian Pertahanan.

**************************************************************************************************************

## THE LAUNCH OF FLY JALUR GEMILANG IN CONJUNCTION WITH THE CELEBRATION OF NATIONAL MONTH OF THE DEFENCE MINISTRY 2022 AND LTAT'S 50TH GOLDEN JUBILEE

KUALA LUMPUR, August 17 2022 – Senior Defence Minister, YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein today completed The Launch Of Fly Jalur Gemilang in conjunction with the Celebration of National Month of the Defence Ministry 2022 and LTAT's 50th Golden Jubilee at Wisma Pertahanan Auditorium.

The Senior Defence Minister has delivered the Senior Defence Minister Message for the first six months of his command for the year 2022. He also launched the Fly Jalur Gemilang ceremony at Dataran Wisma Pertahanan with a symbolic handover of the Jalur Gemilang to Secretary General of Defence Ministry, YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz representing the members of Defence Ministry (MinDef) and Chief of Defence Force, General Tan Sri Dato' Sri Hj. Affendi bin Buang RMAF representing the members of Malaysia Armed Force (MAF).

YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein also announced Withdrawal Rights offer to a maximum of RM500.00 as a 'one-off' to LTAT contributors. This withdrawal is also as an incentive to help LTAT contributors to some extent in handling financial burden. The application for this Golden Jubilee Withdrawal Rights can be done through the MyWira

Application starting 10th October and will be closed on 10th December 2022. The first payment will be carried out on 19th until 23rd December 2022.

He also congratulated the LTAT management due to their success in obtaining the approval to the Armed Forces Fund Board (LTAT) (Amendment) Bill 2022 at (Dewan Rakyat) recently which allows improvement done towards four (4) important aspects to the army members and also LTAT which protects almost 120,000 contributors.

At the same ceremony, Senior Defence Minister also launched AFFIN Mobile Bank or Affin Mobile Financial Centre which started operating on 1st August 2022. This Mobile Bank provides service to customers like opening a Bank account, loan application, credit card application and also transaction through Automated Teller Machine (ATM) and Cash Deposit Machine.

Also present, Service Commanders, the Ministry's Top Management and MAF as well as the LTAT Chairman, YM. Gen Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor (Retired), LTAT Chief Executive Officer (CEO), LTAT, YBhg. Dato' Ahmad Nazim Abd Rahman as well as the Board Members and LTAT top leadership, group companies under LTAT and Defence Ministry agencies.

# MAJLIS APC DAN PPT PERINGKAT MARKAS 12 BRIGED




KUALA LUMPUR, 18 Ogos 2022- Ketua Setiausaha, YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz telah menyempurnakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) & Pingat Perkhidmatan Pekerti Terbilang (PPT) Tahun 2022 Peringkat Markas 12 Briged yang bertempat di Kem Wardieburn sebentar tadi.

Majlis yang berlangsung pada hari ini melibatkan seramai 37 orang penerima APC dan 4 orang pesara wajib yang bertugas di Negeri Selangor dan Kuala Lumpur.

Semua penerima APC menerima Sijil Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan insentif prestasi wang tunai berjumlah RM1,000.00. Sementara itu, para pesara menerima Sijil Penghargaan serta insentif persaraan berjumlah RM400.00 dan juga tambahan pingat PPT kepada mereka yang bersara wajib.

Majlis turut dihadiri Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan ,YBrs. Dr. Anis bin Mahmud, Panglima 12 Briged, YBhg. Brig. Jen. Sani bin S Omar, Pegawai-pegawai kanan Kementerian Pertahanan dan ATM.

****************************************************************************************************

# APC AND PPT CEREMONY 12 BRIGADE HEADQUARTERS LEVEL

KUALA LUMPUR, August 18 2022 – Secretary General, YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz completed the Excellent Service Award (APC) & Excellent Service and Character Medal (PPT) Year 2022 12 Brigade Headquarters Level which was held at Wardieburn Camp just now.

The ceremony held today involved a total of 37 APC recipients and 4 compulsory-retirement-age retirees working in Selangor and Kuala Lumpur.

All of the APC recipients received the Excellent Service Award (APC) certificate and a total of RM1,000.00 cash performance incentive. Meanwhile, the retirees received Certificate of Appreciation as well as a total of RM400.00 retiree incentives and as well as additional PPT medals for those who compulsorily retire.

This ceremony is also attended by Deputy Secretary General Management, YBrs. Dr. Anis bin Mahmud, Commander of 12 Brigade, YBhg. Brig. Jen. Sani bin S Omar, Senior Officers of the Defence Ministry and MAF.

# MAJLIS PENGANUGERAHAN PINGAT JASA MALAYSIA (PJM) PERINGKAT NEGERI SARAWAK TAHUN 2022



KUCHING, 21 Ogos 2022 – Timbalan Menteri Pertahanan, YB Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz telah menyempurnakan Majlis Penganugerahan Pingat Jasa Malaysia (PJM) kepada Veteran ATM Peringkat Negeri Sarawak. Pada majlis tersebut, YB Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz telah menganugerahkan Pingat Jasa Malaysia (PJM) kepada 700 orang Veteran ATM.

Majlis yang diadakan pada hari ini merupakan majlis penganugerahan yang pertama yang diadakan dalam fasa endemik Covid-19 di Malaysia Timur. Sehingga hari ini, terdapat 31,221 warga Veteran ATM telah menerima Pingat Jasa Malaysia manakala bagi veteran yang layak dan belum lagi dianugerahkan akan dijadualkan penganugerahannya pada masa akan datang.

*****************************************************************************************************

# SARAWAK STATE LEVEL MALAYSIAN SERVICE MEDAL (PJM) AWARD CEREMONY 2022

KUCHING, August 21 2022 – Deputy Defence Minister, YB Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz has completed the Malaysian Service Medal (PJM) Award Ceremony to the MAF Veterans Sarawak State Level. In the ceremony, YB Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz has awarded Malaysian Service Medal (PJM) to 700 MAF Veterans.

The ceremony that took place today is the first award ceremony done in the Covid-19 endemic phase in East Malaysia. Till this day, there are 31,221 MAF Veteran members that has received the Malaysian Service Medal (PJM) meanwhile for eligible veterans and have not yet been awarded will be scheduled to be awarded in the future.

# AMANAT KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERTAHANAN



KUALA LUMPUR, 22 Ogos 2022 - YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz telah menyampaikan Amanat Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan (KSU) di Auditorium Wisma Pertahanan pagi ini.

Majlis ini telah dihadiri lebih 300 orang pegawai awam Kementerian Pertahanan dari gred 41 hingga 52. Dalam ucapannya, KSU telah meminta agar pegawai awam sentiasa melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan penuh jujur, cekap dan amanah sebagai satu usaha berterusan untuk memartabatkan kualiti penyampaian perkhidmatan awam.

Selain itu, beliau turut menyatakan bahawa penjawat awam adalah aset kepada kerajaan dan penjawat awam juga bertanggung jawab dalam menentukan masa depan kementerian ini sama ada ke arah kejayaan atau sebaliknya. Oleh itu bagi memastikan imej dan prestasi MinDef berada pada tahap yang tinggi, kerjasama secara berpasukan amat perlu dalam menyumbangkan perkhidmatan yang produktif dan berkualiti bagi mencapai visi dan misi kementerian sejajar dengan slogan MinDef "Pertahanan Negara Tanggungjawab Bersama".

Akhir sekali, Ketua Setiausaha turut mengingatkan pegawai agar bekerjasama dalam kumpulan bukannya "working in silos” seperti mana tagline yang pernah beliau perkenalkan iaitu "together we do better". Dengan harapan kesepaduan ini dapat diteruskan dalam memastikan keselamatan serta kedaulatan Negara sentiasa terpelihara.

****************************************************************************************************

# THE SECRETARY GENERAL MINISTRY OF DEFENCE MESSAGE

KUALA LUMPUR, August 22 2022 - YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz delivered the Secretary General Ministry Of Defence Message at Wisma Pertahanan Auditorium this morning.

This event was attended by more than 300 Defence Ministry's civil servants from grade 41 until 52. In his speech, the KSU has requested for civil servants to always perform their task and responsibilities with honesty, efficiency and trust as one of the continuous effort to dignify the quality of public service presentation.

Apart from that, he also said civil servants is an asset to the government and civil servants is also responsible in deciding this ministry's future whether towards success or the opposite. So to ensure MinDef's image and performance are at a high level, teamwork is needed in contributing to a productive and quality service to reach the ministry's vision and mission aligned with MinDef's slogan “Pertahanan Negara Tanggungjawab Bersama”.

Lastly, the Secretary General also reminded the officers to work together in groups and not “working in silos” like the tagline he introduced which is “together we do better”. With hope this cohesion can be continued in ensuring the safety and sovereignty of the country is always protected.

# PAMERAN SEMPENA SAMBUTAN JUBLI EMAS KE-50 TAHUN



KUALA LUMPUR, 23 Ogos 2022 - Sekitar sambutan Jubli Emas yang ke-50 tahun Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dengan tema "Transformasi Nadi LTAT" yang berlangsung di Auditorium Wisma Pertahanan bermula dari 17 hingga 26 Ogos 2022.

Warga MINDEF berpeluang merasai pelbagai aktiviti yang terdapat di pameran yang disediakan antaranya pameran sudut infotainment, mesin layan diri Royale Pharma 24/7, gold bar challenge, 360° Photobooth, VR station dan banyak lagi.

Sambutan Jubli Emas ini memberi peluang kepada LTAT untuk mengukuhkan hubungan dengan anggota ATM yang telah memberikan keyakinan dan kepercayaan mereka kepada LTAT dan sebagai penghargaan kepada semua pegawai dan kakitangan atas dedikasi, sumbangan, dan komitmen mereka dalam menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada para pencarum.

****************************************************************************************************************

# EXHIBITION IN CONJUNCTION WITH THE CELEBRATION OF THE 50TH GOLDEN JUBILEE

KUALA LUMPUR, August 23 2022 - Around the celebration of the 50th Golden Jubilee of the Armed Forces Fund Board (LTAT) with the theme "Transformasi Nadi LTAT" which took place at the Wisma Pertahanan Auditorium from 17 to 26 August 2022.

MINDEF members have the opportunity to experience various activities available at the exhibition, including the infotainment exhibition corner, Royale Pharma 24/7 self-service machine, gold bar challenge, 360° Photobooth, VR station and many more.

This Golden Jubilee celebration gives LTAT an opportunity to strengthen relationships with MAF members who gave their faith and trust to LTAT and as an appreciation to all officers and staff for their dedication, contribution, and commitment in delivering the best service to contributors.

# SUDUT PAMERAN SEMPENA HARI KEBANGSAAN DI KEMENTERIAN PERTAHANAN




KUALA LUMPUR, 24 Ogos 2022 – Dalam menyambut Hari Kebangsaan yang bakal tiba, Kementerian Pertahanan mengambil peluang mengadakan sudut pameran yang menonjolkan ikon/tokoh dari setiap perkhidmatan di bawah ATM.

Pameran ini memberi ruang kepada warga kerja pertahanan dalam mengenali tokoh yang berjuang mempertahankan keamananan dan kedaulatan Negara. Warga kerja pertahanan turut berpeluang melihat secara dekat pameran logistik dan senjata ringan serta uniform yang dipakai oleh anggota ATM pada waktu dahulu. Turut dipamerkan arca 'Bapa Kemerdekaan' yang dibina menggunakan bahan-bahan terpakai daripada peralatan /bahan senggaraan bangunan oleh Cawangan Penyelenggaraan, Bahagian Khidmat Pengurusan.

****************************************************************************************************

# EXHIBITION CORNER IN CONJUCTION WITH NATIONAL DAY AT THE MINISTRY OF DEFENCE

KUALA LUMPUR, August 24 2022 – In celebration of the upcoming National Day, the Ministry of Defence took the opportunity to hold an exhibition corner highlighting icons/figures from every service under the MAF.

This exhibition gives space to members of Defence Ministry to acknowledge figures who fought to defend the peace and sovereignty of the country. The members of Defence Ministry also had the opportunity to see the logistics exhibition and light weapons as well as uniforms worn by MAF members in the past up close. Also on display was the 'Father of Independence' sculpture which was built using used materials from building maintenance equipment/materials by the Maintenance Branch, Management Services Division.

# MESYUARAT PENYELARASAN DAN HALA TUJU DASAR INDUSTRI PERTAHANAN DAN KESELAMATAN NEGARA



KUALA LUMPUR, 24 Ogos 2022 – Mesyuarat Penyelarasan dan Hala Tuju Dasar Industri Pertahanan dan Keselamatan Negara (DIPKN) yang dipengerusikan secara bersama oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan YBhg. Dato’ Sri Muez Abd Aziz dan Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, YBhg. Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan Haji Abdul Aziz di Bilik Mesyuarat Bunga Raya Wisma Pertahanan.

Mesyuarat dimaklumkan mengenai DIPKN yang telah disusun mengikut kluster agar lebih fokus dan tersusun dengan mengetengahkan elemen Game Changer yang akan menyokong teras-teras DIPKN dalam merencanakan ekosistem industri pertahanan negara agar sejajar dengan kehendak dan aspirasi Kertas Putih Pertahanan sehingga tahun 2030.

Salah satu inisiatif yang diketengahkan dalam DIPKN adalah cadangan membangunkan ‘Special Economy Zone’ untuk pertahanan dan keselamatan seperti Defence Cities bagi menarik pelabur-pelabur asing melalui faedah serta insentif tertentu; serta dalam masa yang sama mewujudkan pemusatan kepada pelabur-pelabur tempatan. Negeri yang dikenalpasti antaranya adalah di Pahang, Selangor dan Perak.

DIPKN juga mengetengahkan elemen Game Changer iaitu meyakinkan Kerajaan dan agensi pusat agar dapat memperuntukkan 1.5% daripada KDNK secara konsisten untuk sektor pertahanan dan keselamatan. Hal ini disebabkan pembiayaan pertahanan yang stabil adalah sangat penting dalam usaha meningkatkan kesiapsiagaan ATM serta membantu perancangan pelaburan yang berterusan dan mampan untuk pembangunan keupayaan ATM dan industri pertahanan dalam tempoh jangka panjang.

MINDEF dan KDN bersetuju untuk bekerjasama membangunkan DIPKN dan melancarkan DIPKN pada penghujung Oktober 2022.

****************************************************************************************************

## THE DEFENCE INDUSTRY AND NATIONAL SECURITY POLICY COORDINATION AND DIRECTION MEETING

KUALA LUMPUR, August 24 2022 - The Defence Industry and National Security Policy (DIPKN) Coordination and Direction Meeting jointly chaired by the Secretary General Ministry of Defence YBhg. Dato' Sri Muez Abd Aziz and Secretary General Ministry of Home Affairs, YBhg. Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan Haji Abdul Aziz at Bunga Raya Meeting Room, Wisma Pertahanan.

The meeting was informed about DIPKN which has been arranged according to clusters to be more focused and organized by highlighting the Game Changer elements that will support the core of DIPKN in planning the national defence industry ecosystem to be aligned with the will and aspirations of the Defence White Paper until 2030.

One of the initiatives highlighted in DIPKN is the proposal to develop a 'Special Economy Zone' for defence and security such as Defence Cities to attract foreign investors through certain benefits and incentives; and at the same time creating centralization for local investors. The identified states include Pahang, Selangor and Perak.

DIPKN also highlighted the Game Changer element which is to convince the Government and central agencies to allocate 1.5% of GDP consistently for the defence and security sector. This is because stable defence funding is very important in efforts to improve MAF preparedness as well as assist in continuous and sustainable investment planning of MAF’s and the defence industry capability developments in the long term span.

MINDEF and MOHA agreed to work together to develop DIPKN and launch DIPKN at the end of October 2022.

# LAWATAN PANEL PENILAI PROGRAM KECERIAAN ANTARA KEMENTERIAN SEMPENA SAMBUTAN BULAN KEBANGSAAN 2022



KUALA LUMPUR, 25 Ogos 2022- Sesi lawatan Panel Penilai Program Keceriaan Antara Kementerian Sempena Sambutan Bulan kebangsaan 2022 oleh Jabatan Penerangan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia yang diketuai oleh Prof Ts Dr Khairul Aidil Azlin Abd Rahman dari Universiti Putra Malaysia.

Sesi telah dimulakan dengan taklimat oleh Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) dan seterusnya pasukan panel penilai di bawa ke Sudut EKSA BKP yang bertemakan Kemerdekaan. Panel Penilai seterusnya ke Bahagian Akaun yang menyediakan dua Sudut Merdeka yang menggunakan bahan-bahan kitar semula.

Sesi lawatan diteruskan ke Sudut Merdeka MINDEF yang terletak di lobi utama dan ahli panel dapat menyaksikan sendiri bahan-bahan pameran serta pameran Ikon/Pahlawan yang memperjuang keamanan dan kemerdekaan dari setiap perkhidmatan serta penerangan ringkas oleh wakil perkhidmatan. Dapat dilihat, ahli panel turut tertarik dgn Arca Bapa Kemerdekaan yang dihasilkan oleh CPB, BKP yang menggunakan bahan-bahan binaan terpakai. Dimaklumkan proses keseluruhan mengambil masa 1 bulan untuk disiapkan.

Sebelum berangkat pulang, Ahli Panel turut melawat Sudut Aktiviti Merdeka yang diwujudkan khas untuk mengadakan program dan aktiviti sepanjang bulan kemerdekaan bagi memberi ruang Warga Kerja Pertahanan merasai kemeriahan sambutan bulan kemerdekaan.

****************************************************************************************************

## EVALUATION PANEL VISITATION TO THE INTERMINISTERIAL PURITY PROGRAM IN CONJUNCTION WITH THE NATIONAL MONTH CELEBRATION 2022

KUALA LUMPUR, August 25 2022- The Interministerial Purity Program Evaluation Panel visit session in conjunction with the National Month Celebration 2022 by the Department of Information, Ministry of Communications and Multimedia Malaysia led by Prof Ts Dr Khairul Aidil Azlin Abd Rahman from University of Putra Malaysia.

The session started with a briefing by the Management Services Division (BKP) and then the evaluation panel team was taken to the Independence-themed BKP EKSA Corner. The Evaluation Panel next went to the Account Division which provides two Independence Corner using recycled materials.

The visit continued to MINDEF's Independence Corner located in the main lobby and the panelist could see for themselves the exhibition materials as well as the exhibition of Icons/Heroes who fought for peace and independence from each service as well as a brief explanation by service representatives. It can be seen that the panelist were also interested in the Father of Independence Statue produced by CPB, BKP where they utilize used building materials. Be informed that the entire process takes 1 month to be completed.

Before leaving, the panelist also visited the Independence Activity Corner which was specially created to organize programs and activities throughout the independence month to give Defence Workers a chance to experience the excitement of the independence month.

# MESYUARAT PERTAMA JAWATANKUASA INDUK PAMERAN MARITIM DAN AEROANGKASA ANTARABANGSA LANGKAWI 2023 (LIMA 2023)



KUALA LUMPUR, 25 Ogos 2022 - Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Induk Pameran Maritim Dan Aeroangkasa Antarabangsa Langkawi 2023 (LIMA 2023), di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur pada hari ini.

Mesyuarat ini dipengerusikan secara bersama oleh Ketua Setiausaha, Ybhg. Dato' Sri Muez Abd Aziz, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, YBhg. Datuk Isham Ishak dan Panglima Angkatan Tentera, Ybhg. Jeneral Tan Sri Dato' Seri Haji Affendi Buang.

Ianya bagi membincangkan tentang persiapan awal pelaksanaan dan perancangan bagi Induk Pameran Maritim dan Aeroangkasa Antarabangsa Langkawi 2023 (LIMA 2023) yang bakal berlangsung tahun hadapan.

*************************************************************************************************************

# THE FIRST COMMITTEE MEETING OF THE LANGKAWI INTERNATIONAL MARITIME AND AEROSPACE MAIN EXHIBITION 2023 (LIMA 2023)

KUALA LUMPUR, August 25 2022 - The First Committee Meeting of the Langkawi International Maritime and Aerospace Main Exhibition 2023 (LIMA 2023), at the Kuala Lumpur World Trade Centre today.

This meeting was jointly chaired by the Secretary General, Ybhg. Dato' Sri Muez Abd Aziz, Secretary General of the Ministry of Transport, YBhg. Datuk Isham Ishak and the Chief of Defence Force, Ybhg. General Tan Sri Dato' Seri Haji Affendi Buang.

It is to discuss the preliminary implementation and planning preparations for the Langkawi International Maritime and Aerospace Main Exhibition 2023 (LIMA 2023) that will take place next year.

# KUNJUNGAN HORMAT KSU KEPADA RAKAN SEJAWAT DI THAILAND



THAILAND, 26 Ogos 2022 - Kunjungan Hormat Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz kepada rakan sejawatnya, Setiausaha Tetap, TYT General Warakiat Rattananont di Kementerian Pertahanan Thailand.

Antara perkara yang dibincangkan adalah berkenaan hubungan dua hala dan pelbagai hala Malaysia dan Thailand serta potensi kerjasama yang boleh diterokai dalam bidang industri pertahanan bagi mengukuhkan lagi hubungan pertahanan Malaysia dan Thailand.

Kunjungan hormat ini merupakan Lawatan Kerja Rasmi Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan ke negara Thailand.

****************************************************************************************************

# KSU COURTESY VISIT TO COUNTERPART IN THAILAND

THAILAND, August 26 2022 - Courtesy Visit of the Secretary General of Defence Ministry, YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz to his counterpart, Permanent Secretary, TYT General Warakiat Rattananont at the Defence Ministry of Thailand.

Among the matters discussed are the bilateral and multilateral relations between Malaysia and Thailand as well as potential cooperation that can be explored in the defence industry to further strengthen the defence relations between Malaysia and Thailand.

This courtesy visit is the Official Working Visit of the Secretary General of Defence Ministry to Thailand.

# KUNJUNGAN HORMAT KSU KE ORGANISASI PENYELIDIKAN DI THAILAND



THAILAND, 26 Ogos 2022 - YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz juga telah mengadakan kunjungan hormat kepada Chairman of Board of Directors, TYT General Porpol Maneerin dan Director General, TYT General Choochart Buakhou di Defence Technology Institute (DTI) Thailand, organisasi penyelidikan di bawah Kementerian Pertahanan Thailand.

Pihak DTI telah memberikan pembentangan berkenaan organisasi tersebut dan juga pameran berkaitan produk-produk hasil penyelidikan di bawah organisasi tersebut.

Kunjungan hormat ini merupakan Lawatan Kerja Rasmi Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan ke negara Thailand.

*****************************************************************************************************

# KSU COURTESY VISIT TO RESEARCH ORGANIZATIONS IN THAILAND

THAILAND, August 26, 2022 – Ybhg. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz also paid a courtesy visit to the Chairman of the Board of Directors, TYT General Porpol Maneerin and Director General, TYT General Choochart Buakhou at the Defence Technology Institute (DTI) Thailand, a research organization under the Defence Ministry of Thailand.

DTI has given a presentation about the organization and also an exhibition related to the research products under the organization.

This courtesy visit is the Official Working Visit of the Secretary General of Defence Ministry to Thailand.

# RAPTAI PERBARISAN DAN PERARAKAN HARI KEBANGSAAN




KUALA LUMPUR, 27 Ogos 2022 - Sekitar raptai perbarisan dan perarakan Hari Kebangsaan Tahun 2022 di Dataran Merdeka hari ini.

Sambutan yang akan diadakan pada 31 Ogos ini bakal menyaksikan perbarisan dan perarakan daripada ketiga-tiga cabang perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia dan kontinjen MINDEF serta pelbagai Kementerian dan Agensi luar.

****************************************************************************************************************

# NATIONAL DAY PARADE AND PROCESSION REHEARSAL

KUALA LUMPUR, August 27 2022 - Around the National Day 2022 parade and procession rehearsal at Independence Square today.

The celebration which will be held on 31st August will witness parades and procession from all three branches of the Malaysian Armed Forces service and the MINDEF contingent as well as various external Ministries and Agencies.

# LAWATAN KERJA MENTERI KANAN PERTAHANAN KE DEFENSE & SECURITY 2022



THAILAND, 29 Ogos 2022 - Menteri Kanan Pertahanan, YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein kini sedang mengadakan Lawatan Kerja Rasmi sempena Defense and Security 2022 di IMPACT Exhibition and Convention Centre, Bangkok.

Lawatan selama dua hari ini telah dimulakan hari ini di mana beliau antara lain telah mengadakan Mesyuarat Dua Hala dengan rakan sejawat yang juga Menteri Pertahanan Thailand, General Prayut Chan-o-cha.

Pertemuan bersemuka tersebut amat signifikan dalam mempertingkatkan kerjasama pertahanan menerusi tiga fokus utama perbincangan iaitu beberapa eksesais bersama ATM-RTARF tahun ini termasuk Air THAMAL, Land THAMAL, serta Sea THAMAL dan cadangan Malaysia bagi mewujudkan MoU demi tingkat kerjasama ketenteraan, industri pertahanan serta sains dan teknologi ketenteraan.

Satu lagi perkara yang turut menjadi tumpuan ialah pelaksanaan Mesyuarat Peringkat Menteri Empat Negara atau 'Quadrilateral Ministerial Meeting' untuk kukuhkan pelaksanaan Malacca Straits Patrol hasil cadangan Malaysia dipersetujui.

Dalam pada itu, hari ini Menteri Kanan Pertahanan turut menyaksikan sendiri pemeteraian dan penyerahan kontrak penyertaan lima syarikat yang telah mengesahkan penglibatan di DSA and NATSEC ASIA 2024 yang dijadualkan berlangsung 6 hingga 9 Mei 2024.

Turut mengiringi Menteri Kanan adalah Ketua Setiausaha, YBhg. Dato’ Sri Muez Abd Aziz, Panglima Angkatan Tentera, General Tan Sri Dato’ Sri Hj Affendi Buang TUDM, Panglima Tentera Laut, Tan Sri Mohd Reza Mohd Sany serta kepimpinan tertinggi MINDEF dan ATM.

****************************************************************************************************

## THE SENIOR DEFENCE MINISTER WORKING VISIT TO DEFENSE & SECURITY 2022

THAILAND, August 29 2022 - The Senior Defence Minister, YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein is currently holding an Official Working Visit in conjunction with Defense and Security 2022 at the IMPACT Exhibition and Convention Centre, Bangkok.

This two-day visit started today where he, among other things, held a Bilateral Meeting with his counterpart who is also the Defence Minister of Thailand, General Prayut Chan-o-cha.

The face-to-face meeting is very significant in enhancing defence cooperation through three main focus of discussion, which are several joint MAF-RTARF exercises this year including Air THAMAL, Land THAMAL, and Sea THAMAL and Malaysia's proposal to create a MoU to improve the military, defence industry as well as science and technology military’s cooperation.

Another matter in focus is the implementation of the Four Nations Ministerial Meeting or 'Quadrilateral Ministerial Meeting' to strengthen the implementation of the Malacca Straits Patrol as a result of Malaysia's proposal being agreed.

In the meantime, today the Senior Defence Minister also personally witnessed the sealing and handover of the participation contracts of five companies that have confirmed their involvement in DSA and NATSEC ASIA 2024 which is scheduled to take place from 6th to 9th May 2024.

The Senior Minister is also accompanied by the Secretary General, YBhg. Dato' Sri Muez Abd Aziz, Chief of Defence Forces, General Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi Buang RAMF, Chief of the Navy, Tan Sri Mohd Reza Mohd Sany as well as the supreme leadership of MINDEF and MAF.

# SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN 2022 DISAMBUT MERIAH



KUALA LUMPUR, 31 Ogos 2022 – Sambutan Hari Kebangsaan 2022 pada hari ini telah dianjurkan dengan penuh kemeriahan dan berskala besar di Dataran Merdeka.

Bertemakan "Keluarga Malaysia Teguh Bersama" dapat dilihat dengan kedatangan para pengunjung ke dataran merdeka untuk bersama-sama menyambut hari yang bersejarah ini. Lantas, membuktikan semangat perpaduan dan cintakan negara yang tinggi di dalam setiap jiwa rakyat Malaysia.

Keberangkatan tiba KDYMM SPB Yang di-Pertuan Agong Bersama Raja Permaisuri Agong memeriahkan lagi sambutan hari kebangsaan ini dengan penuh tatacara istiadat diraja.

Penganjuran kali ini melibatkan perarakan dari kontinjen Kementerian-Kementerian termasuk Kementerian Pertahanan, kontinjen konvoi Merdeka, Kontinjen swasta dan GLC, Kontinjen Ketenteraman Awam dan Kontinjen Keselamatan Negara. Ketiga-tiga cabang perkhidmatan yang terdiri daripada TDM, TLDM dan TUDM mengambil bahagian dalam perarakan mewakili Kontinjen Keselamatan Negara termasuklah Kontinjen Veteran ATM.

Antara aset-aset yang dipamerkan Tentera Darat kepada umum adalah Scrambler, ATV, G-Wagon, VAMTAC, KPS GK MK I, Gempita, Tarantula, ADNAN dan MIFV termasuk senjata Meriam 105 MM PH L5, Meriam 155 MM G5, IGLA, JERNAS, PENDEKAR serta pelbagai aset lain.

Pengunjung turut disajikan dengan pertunjukan udara melibatkan aset TUDM, TLDM dan TDM seperti helikopter EC 725 AP, AW139, AW109, Super Lynx, FENNEC dan MD503. Pesawat A400M dan C130H turut membuat penampilan lintas udara disusuli dengan pesawat pejuang SU-30 MKM, PC 7 MK II, HAWK dan HORNET membawa simbolik ‘The Sound of Freedom’.

Turut hadir memeriahkan sambutan ini Menteri Kanan Pertahanan, YB Dato’ Seri Hishammuddin Tun Hussein dan Isteri, Timbalan Menteri Pertahanan, YB Dato’ Sri Ikmal Hisham Abdul Aziz, Ketua Setiausaha, YBhg. Dato’ Sri Muez Abd Aziz dan Isteri, Panglima Angkatan Tentera, General Tan Sri Dato’ Sri Hj Affendi Buang TUDM serta Panglima-Panglima Perkhidmatan.

****************************************************************************************************

## CELEBRATION OF NATIONAL DAY 2022 CELEBRATED JOYFULLY

KUALA LUMPUR, August 31 2022 – The National Day 2022 celebration today was organized with full of excitement and on a large scale at Independence Square.

Themed "Keluarga Malaysia Teguh Bersama" can be seen with the arrival of visitors to Independence Square to celebrate this historic day together. Hence, proving the high spirit of unity and love for the nation in every Malaysians soul.

The arrival of HRH HM Yang di-Pertuan Agong together with the Raja Permaisuri Agong enlivened the national day celebration with full royal ceremonial procedure.

The organization this time involve a parade from the Ministries contingent including the Ministry of Defence, the Merdeka Convoy Contingent, Private and GLC Contingent, the Public Order Contingent and the National Security Contingent. All three branches of the service consist of the Malaysian Army, RMN and RMAF participated in the parade representing the National Security Contingent including the MAF Veteran Contingent.

Among the assets displayed by the Army to the public are the Scrambler, ATV, G-Wagon, VAMTAC, KPS GK MK I, Gempita, Tarantula, ADNAN and MIFV including weapons 105 MM PH L5 Cannon, 155 MM G5 Cannon, IGLA, JERNAS, PENDEKAR as well as various other assets.

Visitors were also treated to an air show involving RMAF, RMN and Malaysian Army assets such as EC 725 AP, AW139, AW109, Super Lynx, FENNEC and MD503 helicopters. A400M and C130H aircraft also made an overflight appearance followed by SU-30 MKM, PC 7 MK II, HAWK and HORNET fighter aircraft carrying the symbolic 'The Sound of Freedom'.

Also present to enliven this celebration were the Senior Defence Minister, YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein and his wife, Deputy Defence Minister, YB Dato' Sri Ikmal Hisham Abdul Aziz, Secretary General, YBhg. Dato' Sri Muez Abd Aziz and his wife, Chief of Defence Forces, General Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi Buang RMAF and the Chief of Service.

# KONTINJEN MINDEF SERTAI PERARAKAN HARI KEBANGSAAN




KUALA LUMPUR, 31 Ogos 2022 - Dengan kekuatan seramai 84 pegawai dan kakitangan, kontinjen Kementerian Pertahanan turut gagah melangkah teguh bersama.

Dengan diketuai oleh Timbalan Ketua Setiusaha (Dasar), Yang Berusaha Tuan Ahmad Nadzri Bin Mohd Hassan, kontinjen ini turut dibarisi oleh pegawai dan kakitangan pelbagai gred perkhidmatan dan pelbagai agensi dibawah Kementerian Pertahanan termasuk Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV), Institut Penyelidikan Sains & Teknologi Pertahanan (STRIDE), serta Institut Pertahanan dan Keselamatan Malaysia (MIDAS).

**************************************************************************************************************

# MINDEF CONTINGENT PARTICIPATED IN THE NATIONAL DAY PARADE

KUALA LUMPUR, August 31 2022 - With the strength of 84 officers and staff, the Ministry of Defence contingent also bravely stepped forward together.

Led by the Deputy Secretary General (Policy), YBrs. Tuan Ahmad Nadzri bin Mohd Hassan, this contingent is also lined up by officers and staff of various grade of service and various agencies under the Ministry of Defence including the Veteran Affairs Department (JHEV), the Science & Technology Research Institute for Defence (STRIDE), as well as the Malaysian Institute of Defence and Security (MIDAS).